



**KEJOHANAN SUKAN STAF
ANTARA UNIVERSITI MALAYSIA
PERATURAN PETANQUE**



1. UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 1.1 Pertandingan ini adalah tertakluk kepada **Undang – Undang Rasmi Permainan Petanque (Official Rules of the Games of Petanque)** yang ditetapkan oleh **Federation International de Petanque Et Jeu Provincial (FIPJP)** dan Peraturan-Peraturan AM Sukan Staf Antara Universiti Malaysia (SUKUM).
- 1.2 Sekiranya terdapat perselisihan dari segi pentafsiran peraturan di dalam Bahasa Malaysia, peraturan dalam Bahasa Inggeris akan dirujuk.
- 1.3 Sebarang keputusan yang dibuat oleh **Pengerusi Kejohanan** atau **Jawatankuasa Teknikal Pertandingan** adalah **Muktamad**.

2. PENDAFTARAN PEMAIN

- 2.1 Setiap pemain dibenarkan mendaftar **SATU (1) acara** sahaja untuk setiap acara yang dipertandingkan **kecuali** bagi pemain yang bermain acara perseorangan **(berstatus veteran)** boleh didaftarkan bagi acara trio.
- 2.2 Kad staf atau kad akreditasi atau dokumen pengesahan staf hendaklah dipamerkan sekiranya diperlukan.

3. PASUKAN & MASA BERMAIN

- 3.1 Pertandingan akan dijalankan mengikut kaedah sistem permainan bermasa.
- 3.2 Perlawanan dianggap tamat sekiranya terdapat pasukan mencapai mata penuh iaitu **TIGA BELAS (13)** atau tempoh had masa permainan telah selesai iaitu mengikut kategori acara iaitu:
 - 3.2.1 Penentuan keputusan perlawanan adalah berdasarkan kepada kaedah penentuan masa permainan mengikut acara iaitu **Perseorangan 1 jam, Beregu 1 jam 15 minit** dan **Trio 1 jam 30 minit**.
- 3.3 Sekiranya tempoh masa telah tamat, End yang sedang berlangsung perlu diteruskan sehingga selesai. Pasukan yang memperoleh skor tertinggi dikira pemenang. Jika skor seri (terikat), tambahan 1 End lagi diberikan untuk menentukan pemenang.

4. PAKAIAN/ALATAN

- 4.1 Pemain dimestikan memakai pakaian seragam pasukan masing masing. Hanya baju berkolar, berseluar slack/track bottom dan berkasut sukan sahaja dibenarkan semasa pertandingan.
- 4.2 Pihak penganjur pertandingan berhak untuk tidak membenarkan mana-mana pemain menyertai pertandingan ini sekiranya mereka tidak mematuhi peraturan tersebut.
- 4.3 Pakaian yang tertera nama pasukan masing-masing di bahagian belakang adalah dialu-alukan.
- 4.4 Setiap peserta menggunakan kelengkapan permainan masing- masing, seperti boules, pita ukur dan sebagainya.
- 4.5 Boules mestilah memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh Federation International de Petanque Et Jeu Provincial (FIPJP) atau Persekutuan Petanque Malaysia.
- 4.6 Jack pertandingan akan disediakan oleh pihak penganjur dan harus dikembalikan selepas tamat perlawanan.
- 4.7 Pita pengukur bagi tujuan mengukur jarak atau penentuan mata perlu disediakan oleh setiap pemain atau pasukan yang bertanding.

5. PERATURAN PERTANDINGAN

- 5.1 Pertandingan akan dijalankan secara peringkat kumpulan dan pusingan kalah mati.
- 5.2 Pertandingan pusingan pertama akan dijalankan dengan format liga berkumpulan.
- 5.3 Pertandingan pusingan kedua akan dijalankan secara knockout (kalah mati). Undian semula akan dilakukan untuk menentukan pasukan yang akan bertemu. Penganjur berhak untuk menentukan kaedah undian yang akan digunakan.
- 5.4 Permainan hanya dimainkan dalam satu gelenggang sahaja. Untuk balingan jack, balingan adalah sah jika jack berada minimum 50cm dari garis sempadan tepi, dan minimum 1m dari garis sempadan hujung. Setiap kali permulaan End baru gelung perlu diletak 1 meter dari garisan belakang.
- 5.5 Jika balingan didapati tidak sah (selepas 1 cubaan sahaja), jack diserahkan kepada pihak lawan untuk diletakkan ke jarak sah main mengikut pilihannya. Pihak lawan juga boleh undurkan kedudukan gelung ke belakang sehingga jarak maksimum

(10m) dapat dimainkan.

6. MENARIK DIRI ATAU MENYERAH KALAH

Sila rujuk Peraturan AM 15.0

7. PERLAWANAN YANG DI TUNDA ATAU DIBERHENTIKAN

Sila rujuk Peraturan AM 16.0

8. ATURAN/ACARA YANG DIPERTANDINGKAN

8.1 Kategori yang dipertandingkan:

8.1.1 Perseorangan Lelaki

8.1.2 Perseorangan Wanita Veteran

8.1.3 Perseorangan Wanita Senior

8.1.4 Beregu Lelaki

8.1.5 Beregu Wanita

8.1.6 Trio Lelaki (diwajibkan 1 veteran)

8.1.7 Trio Wanita (diwajibkan 1 veteran)

9. KELEWATAN

9.1 Pasukan yang gagal hadir setelah panggilan perlawanan diumumkan akan didenda 1 mata bagi 5 minit pertama dan 1 mata bagi 5 minit seterusnya sehingga 30 minit. Sekiranya pasukan tersebut gagal hadir dalam tempoh 30 minit, kemenangan 13-0 akan diberikan kepada pihak lawan.

10. RINGKASAN PENYERTAAN

PEMAIN	JURULATIH	PENGURUS PASUKAN	JUMLAH
8 Lelaki	1	1	18
8 Wanita			

11. RINGKASAN PINGAT

KATEGORI	EMAS	PERAK	GANGSA
Perseorangan Lelaki	1	1	2
Perseorangan Wanita Veteran	1	1	2
Perseorangan Wanita Senior	1	1	2
Beregu Lelaki	1(2)	1(2)	2(4)
Beregu Wanita	1(2)	1(2)	2(4)
Trio Lelaki (diwajibkan 1 veteran)	1(3)	1(3)	2(6)
Trio Wanita (diwajibkan 1 veteran)	1(3)	1(3)	2(6)
JUMLAH	7(13)	7(13)	14(26)